

Malaysia percaya anasir luar tidak mahu Palestin aman

UM - 16/12/2006

Laporan FAUZI JAAFAR
dan IZWAR ABDUL WAHID

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Malaysia yakin terdapat anasir luar yang tidak mahu melihat pembentukan perpaduan dan penyatuan di kalangan rakyat Palestin.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, sehubungan itu orang Palestin perlu mengeneipkan perasaan kebencian dan dendam di kalangan mereka sendiri bagi mencapai pembentukan sebuah negara yang bebas dan berdaulat.

"Terdapat elemen luar Palestin, mungkin Israel, mungkin ada kuasa-kuasa tertentu. Tak payah sebut, orang semua tahu. Ada orang yang tidak mahu kedamaian di kalangan rakyat Palestin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Asia Dalam Menyokong Hak Mutlak Rakyat Palestin di sini, hari ini.

Mesyuarat selama tiga hari yang bermula hari ini membabitkan lebih 40 buah negara dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada seluruh dunia.

Syed Hamid berpendapat, dalam menyelesaikan isu Palestin, rakyatnya perlu bersatu sebelum

dapat mewujudkan sebuah negara yang bebas dan berdaulat.

"Walau bagaimanapun, Malaysia menyeru supaya mereka (rakyat Palestin) mengekalkan perpaduan," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa hairan dengan tindakan beberapa negara Barat apabila Hamas memenangi pilihan raya Palestin.

"Palestin adakan pilihan raya, Hamas menang mereka tak terima,

Amerika Syarikat (AS) tidak terima, sekat duit, tak ada duit, macam-macam sekatan, bagaimana nak bersatu dalam keadaan itu.

"Kesatuan Eropah (EU) turut bertanggungjawab dalam hal ini

kerana tidak menarik balik sekatan terhadap Palestin. EU gunakan alasan pengganas untuk mencetuskan kesukaran bagi rakyat Palestin," katanya.

Beliau turut memberitahu bagaimana sekatan tersebut dikenakan kepada Malaysia yang mahu menyumbang wang untuk membina kompleks sekolah di Palestin.

"Susah... saya bawa duit untuk bina kompleks sekolah. saya bawa ke Jordan. Malaysia setuju bagi duit, serah pada guru besar di Amman, Jordan.

"Masa nak hantar wang ke Palestin, mereka (Israel) sekat. Ini baru nak bina sekolah. Apa jenis keadilan yang mereka buat.

"Tetapi mahu orang yang dizalimi untuk mencapai kata sepakat," katanya.

Beliau berkata, terdapat 500 sekatan jalan raya yang dikenakan jika mahu bergerak dari Ramallah ke Baitulmaqdis.

Syed Hamid berkata, AS dan EU boleh membentuk negara bebas Palestin jika itu yang mereka mahukan.

"AS atau EU misalnya, kalau nak bentuk negara merdeka Palestin, hari ini pun mereka boleh lakukan. Tidak perlu alasan atau sikap berdolak-dalik sebab itulah yang mereka lakukan ketika meluluskan penubuhan negara Israel," katanya.